| | | |
|---|---|---|
| JAWATAN | : | JURUUKUR BAHAN |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL |
| GRED JAWATAN | : | J9 |
| GRED GAJI | : | GAJI MINIMUM RM2,690.00    GAJI MAKSIMUM RM11,110.00    KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM225.00 |
| SYARAT LANTIKAN | : | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan<br>(ii) berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00). |
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | : | 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN | : | 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruukur Bahan Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<br>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau<br>(ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan<br>(b) had umur pelantikan:<br>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau<br>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau<br>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun. |